



**SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (CAWANGAN SARAWAK)
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA (SARAWAK BRANCH)**



PERNYATAAN AWAM SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA (SUHAKAM)

kepada

**JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BERHUBUNG DENGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES
PILIHAN RAYA**

mengenai

HAK ASASI DAN PILIHANRAYA'

Tarikh: 8 Disember 2011 (Khamis)

Masa: 9.00 pagi

Tempat: Bilik Gerakan Negeri, Wisma Bapa Malaysia

1. Selamat pagi diucapkan kepada YB Datuk Seri Pengurus dan YB ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung dengan Penambahbaikan Proses Pilihanraya.
2. Bagi pihak SUHAKAM, saya ingin merakamkan penghargaan kepada YB-YB kerana sudi memberi peluang kepada SUHAKAM untuk mengutarakan pernyataan dan syor SUHAKAM pada pagi ini. SUHAKAM telah menyerahkan pernyataan bertulis kepada Jawatankuasa Pilihan Khas dan kami berharap agar pernyataan SUHAKAM diambil kira oleh Jawatankuasa ini. Bagi maksud ini saya akan menarik perhatian semua kepada isu-isu dan syor-syor tertentu.
3. Pernyataan dan syor SUHAKAM adalah berdasarkan prinsip-prinsip hak asasi manusia sepertimana yang termaktub dalam Artikel 21 Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat yang menyatakan hak seseorang untuk memilih perwakilan dan mengambil bahagian dalam pemerintahan Negara. Di Malaysia, hak warganegara untuk mengundi ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri dalam sebarang pilihanraya adalah dijamin dalam Artikel 119 Perlembagaan Persekutuan.
4. Secara umumnya, boleh dikatakan sesuatu pilihanraya mestilah bebas dan adil dan telah mencapai tahap tertentu menurut piawaian antarabangsa. Namun, cara menjalankan proses pilihanraya adalah tidak keseluruhannya adil.

5. Antara isu-isu yang sering dibangkitkan termasuk keadaan di mana hak asasi manusia seperti kebebasan bersuaran, kebebasan berhimpun dan berpesatuan dan akses kepada maklumat dan hak keselamatan, tidak dihormati semasa kempen pilihanraya diadakan. Akses yang sama kepada media (mainstream) tidak diberikan. Pengundi hantu, SPR yan gbebas dan saksama, batasan-batasan terkini SPR, ketiadaan gelanggang pilihanraya yang setara, undian secara pos dan sebagainya.
6. Berdasarkan isu-isu yang dikemukakan kepada Jawatankuada Pilihan Khas ini, SUHAKAM telah membuat pemerhatian dan pengesyoran berikut untuk pilihanraya yang bukan sahaja adil tetapi juga adil:

6(i). **Hak untuk mengundi**

Kehendak rakyat menjadi asas kuasa Kerajaan. Justeru, warganegara berhak untuk memilih perwakilan mereka. Bagi mereka untuk membuat pilihan yang betul, mereka berhak untuk mendapatkan maklumat termasuk hak mendengar manifesto semua parti dan ikrar calon. Akses kepada maklumat juga memerlukan hak berhimpun.

6(ii). **Hak berhimpun**

Semua parti politik harus dibenar untuk mengadakan perarakan dan ceramah tanpa memohon permit semasa tempoh berkempen, dengan syarat bahawa perhimpunan adalah aman dan ucapan tidak berunsur fitnah, menimbulkan ketidakteraman, mendorong kepada kebencian dan menjelaskan keselamatan negara. Pihak pengajur mesti sedar bahawa mereka bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan awam dan berkemungkinan menghadapi tuduhan mahkamah sekiranya perhimpunan tidak dapat dikawal.

6(iii). **Akses kepada media**

Semua parti harus mempunyai akses kepada media yang sama dari segi masa siaran dan ruang cetakan termasuk juga waktu dan peletakan maklumat mereka. Pendek kata, akses kepada media haruslah tiada diskriminasi. Media harus dibenarkan untuk melapur kempen secara bebas, tanpa campur tangan atau sekatan tanpa sebab oleh pihak berkuasa. SUHAKAM mencadangkan agar pihak SPR menimbangkan mekanisme untuk memastikan akses yang adil untuk semua calon-calon parti politik.

6(iv). **Hak pengundian sejagat**

Orang kurang upaya (OKU), Orang Asli dan warga emas mempunyai hak untuk mengundi. Justeru itu, adalah disyorkan agar pusat pembuangan undi mudah diakses oleh Orang Asli di kawasan terpencil, yang mesra OKU dan kertas undian Braille disediakan untuk orang cacat penglihatan.

6(v). Pengundi hantu'

SPR seharusnya mengambil langkah-langkah konkret bagi memastikan mereka yang berada dalam daftar pemilih adalah pengundi yang tulin. Langkah yang diambil setakat ini adalah baik tetapi masih belum mencukupi dalam menghapuskan pengundi hantu'. SUHAKAM mengesyorkan agar Kerajaan dapat memberi pertimbangan untuk membuat pindaan kepada semua undang-undang berkaitan bagi memberi kuasa kepada SPR untuk menyemak kesahihan alamat tempat tinggal seseorang dan memindah pemilih dari satu kawasan ke kawasann kerana pertukaran alamat. Koordinasi yang lebih baik antara JPN dan SPR harus ada supaya nama-nama pengundi yang telah meninggal dunia dikeluarkan dari daftar pemilih sejurus selepas sijil kematian dikeluarkan.

6(vi). Pendaftaran secara automatik

Semua pengundi yang layak haruslah didaftar secara automatik setelah mencapai usia 21 tahun.

6(iv). SPR yang bebas dan saksama

Pilihan raya yang bebas dan adil memerlukan SPR yang bebas dan saksama. SPR haruslah bertanggungjawab kepada Parlimen dan bukan kepada Eksekutif bagi menjamin kebebasannya.

6(v). Rayuan

Mahkamah harus diberi ruang untuk menghakimi pertikaian tentang pilihan raya.

6(vii). Penambakan kepada sistem undian secara pos

Aduan berhubung penyalahgunaan undian secara pos sering dibangkitkan dan bagi memastikan sistem undian secara pos tidak di pertikaikan:

- SPR perlu memastikan agen yang dilantik mematuhi senarai yang diluluskan oleh SPR. Sebarang senarai yang digunakan untuk urusan pentadbiran pihak agen perlu di sahkan semula oleh pihak SPR.
- SPR perlu memastikan senarai pengundi di kemaskini secara berkala bagi mengelakkan berlakunya nama calon disenaraikan lebih dari sekali dalam senarai pengundi pos. Ini boleh dilaksanakan secara kerjasama dengan agensi berkaitan dan Jabatan Pendaftaran Negara serta Bahagian Rekod dan Persaraan Angkatan Tentera

Malaysia.

- SPR perlu menyediakan garis panduan pengendalian penghantaran kertas undi pos khususnya dari segi penghantaran dan penerimaan.
- Undian secara pos khususnya bagi tentera dan polis perlu dikaji semula dengan membolehkan mereka membuang undi di kawasan mereka bertugas. Sementara undian secara pos hanya digunakan bagi mereka yang bertugas diluar Negara sahaja. Ini adalah bagi memastikan tidak lagi wujud prasangka serta peluang berlakunya penyelewengan.

Sebagai penutup, SUHAKAM sebagai sebuah institusi hak asasi manusia kebangsaan berharap agar isu-isu serta syor-syor yang dikemukakan kepada Jawatankuasa ini akan diberi perhatian secara serius agar proses pilihanraya akan menjadi dan dilihat lebih telus, bebas dan adil untuk semua.

Bagi pihak SUHAKAM, sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada YB Datuk Pengurus dan YB Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas.

Tamat -